

Headline	Amalan diskriminasi burukkan keadaan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	v11	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	116 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,382
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,146



Amalan diskriminasi burukkan keadaan

DEMI membantu mengurangkan kes HIV dan Aids sedia ada, masyarakat digesa segera membuang segala stigma dan pandangan serong terhadap penghidap penyakit itu supaya mereka dapat hidup seperti manusia normal.

Jangan wujudkan unsur diskriminasi terhadap pesakit HIV dan Aids kerana ia lebih memburukkan keadaan dan bukan penyakit itu yang membunuh mereka tapi unsur itu serta tindakan memulaukan mereka yang kelak memberi kesan kepada kehidupan mereka.

Berikut beberapa tip untuk hidup seperti biasa bersama mereka.

* Fikir positif. Sentiasa berfikir positif dan cuba tempatkan diri anda di tempat mereka. Apa perasaan anda jika diri menjadi mangsa diskriminasi di saat anda memerlukan bantuan untuk meneruskan kehidupan? Jika pasangan atau ahli

keluarga disahkan positif dan tertekan dengan perkara itu, dapatkan bantuan kaunseling dengan menghubungi Mac. Panggilan anda dirahsiakan.

* Tambah maklumat. Langkahkan diri dengan maklumat tepat mengenai HIV dan Aids agar diri tidak memandang serong dengan apa yang mereka alami.

* Waspada. Walaupun sudah dapat menerima pasangan atau ahli keluarga yang positif HIV, anda juga perlu sentiasa sedar dengan keadaan sekeliling. Elakkan diri terdedah dengan luka atau jauhkan diri daripada mereka apabila anda sakit dan cedera.

* Bincang. Bagi pasangan suami isteri, perbincangan perlu dilakukan sebelum mengambil keputusan untuk mendapatkan zuriat. Ia tidak mustahil dan ramai yang berjaya cuma perlu dilakukan mengikut nasihat doktor.